



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1/4(5)
Tarikh : 15 Ogos 2024

**Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau/Kunak/Semporna/Lahad Datu**

YBhg. Datuk/Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*) PEMBAYARAN
OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN DI
SISTEM iGFMS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bilangan 10 Tahun 2024 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan Strategi dan Garis Masa Pelaksanaan *Second Validation* yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan JANM pada 4 Julai 2024 iaitu setelah mengambil kira proses pemurnian data yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta pengujian integrasi sistem dengan pihak Bank Utama, ***Second Validation* pembayaran Kerajaan di sistem iGFMS bagi Nombor Kad Pengenalan di bawah entiti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan dilaksanakan secara berperingkat dalam enam (6) fasa mengikut bank dan Pejabat Perakaunan.** Pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti JPN) akan bermula dengan fasa pertama pada tahun 2024 disusuli dengan lima (5) fasa yang akan dilaksanakan pada tahun 2025 dan 2026.

3. Surat edaran ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 8 April 2022 yang menyatakan pengesahan tambahan iaitu ***Second Validation* berlaku di sistem bank penerima bayaran.** Pengesahan identiti penerima bayaran akan dibuat berdasarkan kepada nombor akaun bank dan Nombor Kad Pengenalan penerima bayaran yang terdapat di dalam iGFMS berbanding dengan sistem bank. Justeru, **PTJ hendaklah memastikan Nombor Kad Pengenalan penerima bayaran yang terdapat di iGFMS dan sistem bank adalah sama** agar pembayaran dapat dikreditkan ke akaun bank penerima sebenar dan tiada penolakan *Electronic Fund Transfer - EFT (rejection)*.

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1/4(5)
Tarikh : 15 Ogos 2024

4. Pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti JPN) adalah seperti berikut :

4.1 Tarikh Pelaksanaan

Tarikh Pelaksanaan bermula pada 2 September 2024 secara berperingkat.

4.2 Tatacara Pengendalian Penolakan Bayaran EFT

Pengendalian penolakan bayaran melalui EFT hendaklah mematuhi Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pindahan EFT Ditolak/Cek Terbatal di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) Tatacara Pengurusan Bayaran yang berkuatkuasa. **PTJ bertanggungjawab mengambil tindakan seperti berikut :**

- i. Bagi penolakan disebabkan oleh pelaksanaan *Second Validation*, kemaskini maklumat nombor kad pengenalan hendaklah dibuat SEGERA di sistem iGFMAS (oleh PTJ) ataupun di sistem bank (oleh penerima bayaran); dan
- ii. Penggantian penolakan EFT hendaklah disempurnakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen sokongan lengkap diterima.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/tuan/puan dalam memastikan pelaksanaan *Second Validation* ini berjalan dengan lancar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau